

NO. SOALAN: 68

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 19 MEI 2016

RUJUKAN : 9144

SOALAN:

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan majikan yang telah diambil tindakan kerana menggunakan khidmat pekerja asing tanpa permit kerja dan berapakah nilai denda yang diperolehi oleh Kerajaan terhadap majikan yang disabitkan kesalahan sejak tahun 2000 hingga 2015.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tahun 2001 sehingga 2015 seramai 4,545 orang majikan telah ditangkap atas kesalahan menggaji pekerja asing tanpa permit kerja.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, seramai 347 orang majikan telah didakwa di mahkamah dan didapati bersalah kerana menggaji pekerja asing serta dikenakan denda dari tahun 2010 hingga 2015.

Manakala bagi nilai kompaun yang diperoleh Kerajaan bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Mac 2016, jumlah kompaun adalah sebanyak RM6,367,400. Kesalahan yang dikenakan kompaun yang membawa kepada nilai tersebut adalah seperti menggaji PATI, membenarkan PATI berada di Premis, dan melindungi PATI. Seramai 819 orang majikan telah diarahkan untuk menjelaskan kompaun tersebut.